**LAMPIRAN A**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# SYARAT –SYARAT LANTIKAN PEMBANTU PENYELIDIK SISWAZAH (GRA) SECARA SEMENTARA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

<table>
<tr><td>1.</td><td>Jawatan</td><td>Pembantu Penyelidik Siswazah</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Taraf Lantikan</td><td>Secara kontrak<br>(GRA yang telah dilantik, tidak boleh menerima tawaran lantikan bagi geran penyelidikan yang lain dalam tempoh masa yang sama)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Elaun</td><td>a. Kadar elaun GRA tertakluk kepada kelulusan geran penyelidikan universiti (VOT 11000).<br>b. Kadar elaun adalah berbeza bagi setiap geran KPT tertakluk kepada Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan dan Tadbir Urus Dana Penyelidikan KPT :-
<table>
<tr><td>Geran</td><td>PhD (RM)</td><td>Sarjana (RM)</td></tr>
<tr><td>FRGS</td><td>2500.00</td><td>2000.00</td></tr>
<tr><td>ERGS</td><td>2000.00</td><td>1500.00</td></tr>
<tr><td>LRGS</td><td>2300.00</td><td>1800.00</td></tr>
<tr><td>RACE</td><td>2000.00</td><td>1500.00</td></tr>
<tr><td>RAGS</td><td>-</td><td>1800.00</td></tr>
<tr><td>TRGS</td><td>2300.00</td><td>1800.00</td></tr>
<tr><td>NRGS</td><td>2300.00</td><td>1800.00</td></tr>
<tr><td>PRGS</td><td colspan="2">Siling Upah dan Elaun adalah tidak melebihi RM30.000.00</td></tr>
<tr><td>Sciencefund</td><td colspan="2">Tidak melebihi RM2500.00</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Mod Pengajian</td><td>Mod Penyelidikan bagi Pengajian sepenuh masa.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Tempoh Lantikan</td><td>Tempoh lantikan GRA perlu dalam tempoh projek aktif (minimum adalah dua belas (12) bulan untuk pelajar Sarjana/ Ph.D) dan hendaklah bergraduat (walaupun di luar tempoh penyelidikan).</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Yuran</td><td>a. Dikecualikan daripada pembayaran yuran pelajaran sahaja bagi semester di mana lantikan ini berkuat kuasa.<br>b. Sekiranya GRA telah mendapat pembiayaan dari mana-mana pihak maka yuran pelajaran tidak akan ditanggung oleh pihak Universiti</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Kemudahan</td><td>GRA hanya dibenarkan menerima kemudahan perubatan di Pusat Kesihatan Pelajar UPSI.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Tatatertib dan Kelakuan</td><td>Walaupun GRA dilantik di bawah peruntukan penyelidikan, namun dari segi perkhidmatan, GRA adalah setiap masa tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Akta dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya dan kepada kaedah-kaedah tatatertib dan apa-apa peraturan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa di Universiti ini.</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Penamatan Perkhidmatan</td><td>Surat penamatan/ perletakan jawatan hendaklah diserahkan kepada Unit Tadbir Urus dan Kewangan, PPPI sebulan</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | sebelum tarikh tamat perkhidmatan melalui Ketua Penyelidik dan Fakulti. |
| 11. | Tuntutan Elaun dan Bayaran | GRA layak menuntut bayaran elaun-elauan perjalanan rasmi (termasuk elaun makan, elaun harian dan elaun lojing) bagi urusan berkaitan dengan penyelidikan mengikut kadar yang berkuat kuasa di Universiti. |
| 12. | Menarik Balik Tawaran dan Menamatkan Perkhidmatan Jika Maklumat Yang Diberi Didapati Tidak Benar | Pihak berkuasa melantik berhak menarik balik tawaran ini atau menamatkan perkhidmatan saudara/i tanpa memberi notis terlebih dahulu, sekiranya didapati bahawa maklumat yang tidak benar telah diberi dalam mana-mana dokumen yang dikemukakan berkaitan dengan pelantikan saudara/i ke dalam perkhidmatan yang ditawarkan ini. |
| 13. | Kemudahan Menghadiri Seminar/Konferensi/Kursus | GRA boleh mengikuti mana-mana seminar/konferensi/kursus yang berkaitan dengan projek penyelidikan tertakluk kepada kelulusan ketua penyelidik. |
| 14. | Hubungan | GRA bukan keluarga terdekat Ketua Penyelidik/ Penyelidik bersama. |

*Geran-geran penyelidikan di bawah Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Tadbir Urus Dana Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (DP KPM) dan Garis Panduan Skim Geran Penyelidikan JPT.